



Batu Pahat merupakan sebuah bandar dengan minda yang ceria yang wujud dari sebuah hutan tebal, cheerful town emerged from

MURAL yang terdapat di sebuah bangunan di Batu Pahat yang menunjukkan gambar seorang wanita Jepun memegang buku karya Kaneko Mitsuharu di depan bangunan Japan Club Batu Pahat. - IHSAN PENULIS

Batu Pahat dari kaca mata penyair Jepun

halaman muka surat.

Buku yang Kaneko hasilkan masih lagi dapat menarik minat orang ramai untuk membacanya. Malahan, ia masih dijadikan rujukan sehingga hari ini terutama bagi orang Jepun yang melancong ke Asia. Ramai pelancong Jepun yang melancong ke Asia turut mengembara ke tempat-tempat yang diceritakan oleh Kaneko serta merasai sendiri suasana persekitaran seperti digambarkan dalam buku tersebut termasuklah di Batu Pahat. Malahan, ada dalam kalangan mereka menulis dan menggambarkan suasana yang mereka alami dalam perkhidmatan jaringan sosial (SNS) seperti blog dan Instagram peribadi masing-masing.

HUTAN TEBAL

Di dalam bukunya, Kaneko turut menyatakan mengenai orang Jepun yang suatu ketika dahulu pernah sangat mengagumi Barat, namun telah mulai kecewa dengan

“

Ia masih dijadikan rujukan sehingga hari ini terutama bagi orang Jepun yang melancong ke Asia.”

Barat setelah menyaksikan sendiri kehebatan, keceriaan dan layanan baik penduduk di Asia Tenggara. Orang Jepun mula merasakan bahawa mereka merupakan sebahagian daripada Asia.

Inilah antara perkara yang dicatatkan olehnya di dalam buku tersebut.

“Batu Pahat merupakan sebuah bandar dengan minda yang ceria yang wujud dari sebuah hutan tebal. Tiupan angin dari hutan dan laut bebas bertiup ke arah kota. Kehijauan dan kekuatan yang

ganas mengelilingi kota, dan terus hidup subur di dalam hutan tanpa mampu dikalahkan oleh sesiapa.” (Dipetik dan diterjemah daripada *Maree Ran-in kiko*)

Ini merupakan antara ayat yang digambarkan oleh Kaneko di dalam bukunya. Dia menceritakan perbezaan antara kemeriahan sebuah bandar dengan keadaan alam rimba termasuklah sungai yang padat. Bandar dikatakan sebagai satu simbol kehidupan manusia dengan minda yang ceria, manakala alam semula jadi sebagai simbol dalam kehidupan yang kadangkala ganas dan kejam.

KELIP-KELIP

Dalam catatannya, Kaneko menggambarkan bahawa dia dapat melihat kayu-kayu api yang terletak berhampiran Sungai Batu Pahat melalui jendela bilik yang disewanya di aras dua dalam bangunan Japan Club. Dia juga dapat melihat kelip-kelip yang berkumpul di sekililing kayu

kayu api itu.

Kaneko juga telah menulis sebuah puisi bertajuk *Sajak Pokok Nipah*. Dalam sajak tersebut, dia menyebut merigenai Batu Pahat. Kaneko telah menulis bagaimana daun pokok nipah yang tumbuh menegak ke arah langit di tepian sungai Batu Pahat. Dia turut menggambarkan bagaimana daun nipah yang dilihatnya meliuk lentuk menyapa permukaan air sungai. Daun muda yang tumbuh menegak memperlihatkan sisi kekuatan, manakala daunnya perlahan-lahan meliuk lentuk dan bergoyang di gigi-gigi air menggambarkan kelembutannya yang tersendiri.

Inilah serba sedikit kisah Kaneko dan juga catatannya tentang Batu Pahat. Dengan erti kata lain, Batu Pahat bukanlah suatu tempat yang asing bagi orang Jepun. Sejarah telah membuktikan hubungan kerjasama antara Tanah Melayu dan Jepun yang wujud berkurun lamanya walaupun sebelum berlakunya Perang Dunia Kedua. Hubungan yang terjalin tersebut lebih kepada hubungan ekonomi.

KEDUA-DUA penulis ialah Guru Bahasa di Pusat Pengajaran Bahasa, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM).